

SEMPENA PERASMIAN MAHKAMAH JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK DI PUTRAJAYA, ESOK

MELINDUNGI KANAK-KANAK MANGSA SEKSUAL



NORLIZAH ABAS

pengarang@utusan.com.my

KEBAIKAN kanak-kanak terus dilindungi apabila Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak mula beroperasi di Istana Kehakiman, Putrajaya sebagai usaha membanteras penganiayaan seksual terhadap golongan tersebut.

Prosiding yang bermula tidak lama lagi akan didengar di hadapan hakim Mahkamah Sesyen yang pakar dalam undang-undang berkaitan kanak-kanak serta dikendalikan oleh timbalan pendakwa raya dan peguam.

Fara pegawai terlibat dikehendaki menjalani Kursus Pengurusan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bangi dekat sini sebagai persediaan sebelum pendengaran kes.

Kursus pertama yang berlangsung selama tiga hari pada pertengahan Mei lalu dihadiri oleh 250 pengamal undang-undang, hakim, timbalan pendakwa raya, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), warga pendidik dan orang awam.

Perbicaraan yang akan didengar melibatkan kes-kes yang didaftarkan di sekitar Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor dan dijangka diselesaikan dalam tempoh setahun.

Mahkamah khas itu ditubuhkan bertujuan mempercepatkan tempoh pelupusan kes dan mempercepatkan giliran bagi perbicaraan kes jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak.

Bilik mahkamah tersebut terletak di Bangunan Annexe, Istana Kehakiman yang dilengkapi infrastruktur seperti Transkripsi Menunggu saksi kanak-kanak, persidangan video kanak-kanak secara langsung (ketika memberi keterangan), penghadang kanak-kanak dan kemudahan yang mesra Orang Kurang Upaya (OKU).

Perlu diketahui bahawa mahkamah tersebut berbeza dengan Mahkamah Kanak-Kanak sedia ada kerana kes-kes bagi pesalah kanak-kanak dan isu penjiagaan kanak-kanak didengar di Mahkamah Majistret manakala Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak didengar di Mahkamah Sesyen.

Kes-kes yang akan dikemu-

kanak; melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan terpakai kepada mereka yang berusia bawah 18 tahun.

Penubuhan mahkamah itu direalisasikan selepas Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 pada 4 April lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said dalam beberapa kenyataan berkata, antara perkara baharu yang dimasukkan dalam undang-undang tersebut adalah aktiviti pengantunan kanak-kanak (*child grooming*), pornografi kanak-kanak dan penyalahgunaan kepercayaan.

Turut dimasukkan ialah amang seksual (*sexual assault*) yang terdiri daripada amang seksual fizikal dan amang seksual bukan fizikal.

Ketika RUU itu dibentangkan di Parlimen, antara kesalahan yang dinyatakan termasuk:

- Sesiapa yang membuat, menghasilkan, mengarahkan perbualan atau penghasilan pornografi kanak-kanak boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 30 tahun dan tidak kurang enam sebatan, jika sabit kesalahan.

- Individu yang mengaksas atau mempunyai dalam milikan

dan kawalannya sebarang pornografi kanak-kanak boleh dihukum penjara tidak lebih lima tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya.

- Individu yang melakukan kesalahan amang seksual fizikal boleh dipenjarakan tidak lebih 20 tahun dan boleh disabit kesalahan. Ini termasuk menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak, membuatkan kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian orang itu atau melakukan kontak fizikal dengan kanak-kanak tanpa persetujuan.

- Bagi amang seksual bukan fizikal seperti melakukan aktiviti bersifat seksual di hadapan kanak-kanak selain mengikut atau memerhati atau menghubungi seseorang kanak-kanak dengan apa cara berulang kali atau kerap, individu yang melakukan kesalahan itu boleh dipenjarakan selama tempoh tidak lebih 10 tahun atau denda tidak lebih RM20,000 atau kedua-duanya.

- Sesiapa yang tidak memberi maklumat mengenai perlakuan atau niat mana-mana individu untuk melakukan kesalahan, boleh didenda tidak lebih RM5,000.

Penggubalan aka bahrani itu menimbulkan persoalan sama ada wujud pertindihan dengan peruntukan sedia ada dalam Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Keterangan.

Memetik kenyataan Penggubal Undang-undang Parlimen Jabatan Peguam Negara, Datuk Ilani Mohd. Ibrahim, pertindihan itu tidak berlaku kerana akta ba-

haru bersifat lebih menyeluruh dan terperinci berhubung kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang antaranya turut mengambil kira perkembangan teknologi semasa.

Sebagai contoh, jelas beliau, jika undang-undang sebelum ini hanya menyentuh mengenai bahan pornografi bercetak, akta baharu pula turut meliputi bahan tidak bercetak.

Penubuhan mahkamah berkenaan tepat pada masanya ekoran statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) cukup membimbangkan apabila sebanyak 5,779 kes penderaan seksual kanak-kanak berlaku bagi tempoh 2010 hingga 2015, dengan purata 963 kes setahun.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula mencatatkan 2,759 kes rogol, 412 kes sumbang mahram, 1,423 kes mencabul kehoramatan dan 422 kes luar tabii, yang melibatkan mangsa di bawah umur 18 tahun sepanjang tempoh 2015 dan 2016.

Pada April lalu, Azalina berkata, penubuhan mahkamah itu diputuskan hasil perbincangan dan pelbagai pihak dengan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Md. Raus Sharif dalam satu pertemuan di Istana Kehakiman.

Sementara itu, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dalam satu kenyataan minggu lalu memberitahu, majlis perasmi mahkamah khas itu akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Khamis ini.



MAHKAMAH Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang bertujuan mempercepatkan tempoh pelupusan kes dan mempercepatkan giliran bagi perbicaraan kes jenayah seksual melibatkan kanak-kanak akan beroperasi di Bangunan Annexe, Istana Kehakiman, Putrajaya. GAMBAR HIASAN/UTUSAN